

9H 7M



DREAM
DESTINATION
— DISCOVER THE WORLD TOGETHER —

JEWELS OF EASTERN EUROPE GERMANY TO POLAND

HARI 01 | KETIBAAN MUNICH – REGENSBURG MOB

Selamat datang ke Jerman! Setibanya anda di Munich, anda disambut mesra oleh pemandu pelancong. **Pengembaraan bermula di Marienplatz**, dataran utama sejak tahun 1158 yang menampilkan Rathaus-Glockenspiel, jam mekanikal ikonik, **Mariensäule** dan **Fischbrunnen**. Anda terus menghayati keindahan kota lama Munich. Seterusnya, anda menuju ke **Regensburg**, kota warisan dunia UNESCO, terkenal dengan **Stone Bridge** abad ke-12 yang menyeberangi Sungai Danube. Lawatan di akhiri dengan makan malam dan bermalam di hotel.

HARI 02 | REGENSBURG – PRAGUE MP/MM

Selepas sarapan, anda menikmati lawatan singkat di **Regensburg** sebelum berangkat ke **Prague**, ibu kota Czechia yang digelar City of a Hundred Spires. Setibanya di sana, anda terpesona dengan **Charles Bridge**, jambatan batu abad pertengahan yang melintasi Sungai Vltava.

Anda juga menyaksikan keindahan **Prague Castle**, **Old Town Square**, **Astronomical Clock**, dan **Dancing House**. Jika mahu, anda boleh menyertai pelayaran romantik di **Sungai Vltava** (pilihan). Lawatan terakhir ditutup dengan daftar masuk hotel, makan malam, dan rehat.

HARI 03 | PRAGUE – KATOWICE MP/MM

Selepas bersarapan, anda bertolak ke **Katowice**, Poland, sambil menikmati pemandangan indah melalui bandar **Brno** di Czechia. Ketibaan di Katowice memperkenalkan anda kepada sebuah bandar moden yang digelar "**Polish Chicago**", terkenal dengan seni bina moden dan pengiktirafan sebagai **UNESCO Creative City of Music**.

Anda mempunyai masa bebas untuk meneroka bandar ini, membeli-belah atau sekadar bersantai. Lawatan berakhir dengan daftar masuk hotel, makan malam dan bermalam di Katowice.

HARI 04 | KATOWICE – WARSAW MP/MM

Berbekalkan semangat untuk meneroka, anda bertolak ke ibu kota Poland, **Warsaw**, sebuah kota moden yang berdiri megah di tebing Sungai Vistula. Di sinilah terletakinya **Old Town Warsaw**, tapak Warisan Dunia UNESCO yang dipenuhi dengan bangunan bersejarah.

Anda juga akan melihat **Sigismund's Column**, **Frederik Chopin Monument**, serta **Palace of Culture and Science** (tiket tidak termasuk), pencakar langit ikonik dengan pemandangan menakjubkan dari atas. Sambil menikmati suasana kota, anda bebas menjelajah, membeli-belah atau sekadar bersantai sebelum bermalam di Warsaw.

HARI 05 | WARSAW – KRAKOW MP/MM

Selepas bersarapan, anda bergerak menuju **Krakow**, sebuah kota bersejarah di selatan Poland yang terkenal dengan keindahan **Old Town** yang terpelihara. Di sini, anda akan melangkah ke **Rynek Glowny**, dataran utama yang merupakan nadi bandar lama, serta melewati Florian Gate yang ikonik.

Jangan lepaskan peluang bergambar di luar **Wawel Royal Castle** dan **The Cloth Hall**, pasar bersejarah yang menawan. Seterusnya, nikmati masa bebas untuk membeli-belah atau bersiar-siar sebelum daftar masuk hotel dan bermalam di Krakow.

HARI 06 | KRAKOW – BUDAPEST MP/MM

Selepas menikmati sarapan, anda bertolak menuju **Budapest**, ibu kota Hungary, sambil melintasi pemandangan indah Slovakia. Setibanya di Budapest pada waktu petang, anda akan dibawa menjelajah lokasi ikonik seperti **Heroes' Square**, **Bangunan Parlimen Hungary**, **Buda Castle**, **Chain Bridge** yang bersejarah, serta **Citadella** yang menawarkan pemandangan kota yang menakjubkan. Jika berkesempatan, sertai **pelayaran malam di Sungai Danube** (pilihan) untuk merasai keindahan Budapest dari perspektif berbeza. Hari diakhiri dengan daftar masuk dan bermalam di hotel.

HARI 07 | BUDAPEST – BRATISLAVA – VIENNA MP/MM

Selepas sarapan, anda mengucapkan selamat tinggal kepada **Budapest** dan menuju ke **Bratislava**, ibu kota Slovakia. Di sini, anda menjejak sejarah dan budaya dengan melawat **Holocaust Memorial**, **Maria Theresa Trail**, serta bangunan tempat **Mozart dan Liszt mula beraksi**. Perjalanan diteruskan ke Vienna, kota seni Austria, di mana anda menyusuri **Ring Road** untuk menikmati keindahan bangunan bersejarah seperti **Opera House**, **Hofburg Palace**, dan **Parlimen Austria**. Jangan lupa singgah ke kafe klasik Vienna dan nikmati keenakan Sacher Cake! Hari anda berakhir dengan masa bebas dan bermalam di Vienna.

HARI 08 | VIENNA MP/MOB

Selepas menikmati sarapan terakhir di hotel, **anda diberi masa bebas untuk menjelajah persekitaran Vienna** mengikut kehendak sendiri—mungkin untuk membeli cenderamata atau sekadar menghirup kopi terakhir di kota seni ini.

Kemudian, **anda akan dibawa ke lapangan terbang** untuk penerbangan pulang, menamatkan perjalanan penuh kenangan merentas Eropah Tengah yang pasti sukar dilupakan.

HARI 09 | TIBA DI KUALA LUMPUR

Akhirnya... Anda selamat tiba di tanah air. Setelah pengembaraan yang penuh pengalaman, kisah menarik dan pemandangan indah dari Munich ke Vienna, inilah masanya untuk kembali ke rutin harian. Tapi kenangan yang anda bawa pulang—pasti akan kekal tersemat di hati. Selamat kembali... HOME SWEET HOME!



WINTER
DECEMBER – MARCH



SPRING
APRIL – JUNE



SUMMER
JULY – AUGUST



AUTUMN
SEPTEMBER – NOVEMBER

CURRENCY

GERMANY
EURO

POLAND
POLSKI ZŁOTY




KRAKOW



VIENNA



PRAGUE



MARIENPLATZ, MUNICH



BRATISLAVA CASTLE

3/4 STAR HOTEL ★★★★★

PAKEJ TERMASUK

- Tiket penerbangan antarabangsa pergi dan balik
- Elaun bagasi (mengikut penerbangan 25@30kg)
- Penginapan selama 7 malam di hotel bertaraf 3@4 bintang (berdasarkan perkongsian dua orang)
- Sarapan kontinental atau Inggeris di hotel
- Makan malam bungkus
- Pengangkutan yang selesa (termasuk cukai jalan, tol, tempat letak kereta, VAT)
- Pemindahan lapangan terbang
- Ketua rombongan dari Malaysia
- Bayaran masuk seperti dinyatakan dalam itinerari (kecuali lawatan pilihan)

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- Tipping untuk pemandu pelancong dan pemandu (RM300)
- Kos permohonan visa (jika ada)
- Perbelanjaan peribadi (dobi, porter, mini bar)
- Lawatan pilihan (optional excursions)
- Segala perkara yang tidak dinyatakan di bawah "harga pakej termasuk"

JADUAL PENERBANGAN



JADUAL PENERBANGAN 2025 (HARGA MENGIKUT PER PAX)

AUTUMN

NO	DATE	FLIGHT	ADULT	SINGLE	CWB	CNB	INFANT
1	9 OCT 2025	EMIRATES	RM9,290	RM10,990	RM9,190	RM 9,090	RM 1,300



JADUAL PENERBANGAN 2025 (HARGA MENGIKUT PER PAX)

WINTER

NO	DATE	FLIGHT	ADULT	SINGLE	CWB	CNB	INFANT
1	14 DEC 2025	EK/EY/QR	RM9,290	RM10,990	RM9,190	RM 9,090	RM 1,300
2	**23 DEC 2025	EK/EY/QR	RM9,490	RM11,190	RM 9,390	RM 9,290	RM 1,300



JADUAL PENERBANGAN 2026 (HARGA MENGIKUT PER PAX)

WINTER

NO	DATE	FLIGHT	ADULT	SINGLE	CWB	CNB	INFANT
1	16 Jan 2026	EK/EY/QR	RM9,490	RM11,190	RM9,390	RM 9,290	RM 1,300
2	30 Jan 2026	EK/EY/QR	RM9,290	RM10,990	RM9,190	RM 9,090	RM 1,300
3	7 Feb 2026	EK/EY/QR	RM9,290	RM10,990	RM9,190	RM 9,090	RM 1,300
4	23 Mac 2026	EK/EY/QR	RM9,590	RM11,490	RM9,490	RM 9,390	RM 1,300



JADUAL PENERBANGAN 2026 (HARGA MENGIKUT PER PAX)

SPRING

NO	DATE	FLIGHT	ADULT	SINGLE	CWB	CNB	INFANT
1	3 Apr 2026	EK/EY/QR	RM9,590	RM11,490	RM9,490	RM 9,390	RM 1,300
2	26 Apr 2026	EK/EY/QR	RM9,590	RM11,490	RM9,490	RM 9,390	RM 1,300
3	2 May 2026	EK/EY/QR	RM9,590	RM11,490	RM9,490	RM 9,390	RM 1,300